

**KAJIAN KELUARGA DALAM MASYARAKAT PELBAGAI ETNIK:  
AMALAN SOSIALISASI KE ARAH PEMUPUKAN PERPADUAN  
NASIONAL DAN NILAI MURNI**

**OLEH:**

**PROF DR. ROZUMAH BAHARUDIN**

**DR. SITI NOR YAACOB**

**PROF. MADYA DR. RUMAYA JUHARI**

**DR. RAHIMAH IBRAHIM**

**DR. MARIANI MANSOR**

**Jabatan Pembangunan Manusia & Pengajian Keluarga**

**Fakulti Ekologi Manusia**

**Universiti Putra Malaysia**

**&**

**NOR SHEEREEEN ZULKEFLY**

**Jabatan Psikiatri**

**Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan**

**Universiti Putra Malaysia**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **KAJIAN KELUARGA DALAM MASYARAKAT PELBAGAI ETNIK: AMALAN SOSIALISASI KE ARAH PEMUPUKAN PERPADUAN NASIONAL DAN NILAI MURNI**

#### **1. PENGENALAN**

- Keunikan Malaysia tergambar oleh kepelbagaian warganegaranya yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum, bahasa dan agama serta perbezaan ekonomi, politik dan sosial
- Perpaduan nasional adalah asas kepada pembentukan negara yang kuat, *viable* dan selamat.
- Semangat perpaduan dan nilai murni terbina melalui proses sosialisasi.
- Institusi keluarga diterima sebagai agen sosialisasi yang pertama dan paling utama dalam pembinaan diri individu.
- Apabila keluarga gagal melaksanakan peranan sosialisasinya secara efektif, maka wujudlah pelbagai kegawatan/ kemerosotan sosial yang tidak berkesudahan yang melibatkan tingkah laku yang pincang (contoh: budi bahasa yang terhakis, ungkapan kata yang kasar, jenayah, bunuh, samun, inses, rasuah, penagihan dadah dan pelacuran) dan perselisihan kaum.

#### **2. OBJEKTIF UMUM**

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap sosialisasi yang diamalkan oleh keluarga pelbagai etnik (Melayu, Cina & India) dalam pemupukan perpaduan nasional dan nilai murni terhadap anak-anak mereka.

### **3. OBJEKTIF KHUSUS**

- a) Mengenalpasti tahap sosialisasi yang diamalkan oleh keluarga (ibubapa & datuk-nenek) dari segi pemupukan perpaduan nasional dan nilai murni.
- b) Menentukan tahap pengetahuan, sikap dan amalan (PAS) berkaitan perpaduan nasional dan nilai murni dalam kalangan anak-anak responden.
- c) Menentukan sejauh mana faktor keluarga yang terpilih menyumbang kepada tahap sosialisasi keluarga dari segi pemupukan perpaduan nasional dan nilai murni
- d) Menentukan sejauh mana tahap sosialisasi keluarga mempunyai perkaitan dengan tahap PAS anak-anak responden tentang perpaduan nasional dan nilai murni.
- e) Mengemukakan cadangan/input bagi merancang strategi ke arah memupuk perpaduan nasional dan nilai murni di kalangan masyarakat Malaysia.

### **4. METODOLOGI**

#### **4.1 Rekabentuk kajian**

Kajian ini telah direkabentuk secara diskriptif dan korelasi.

#### **4.2 Lokasi Kajian**

Taman Maluri (kawasan perumahan multietnik)

Kampung Cheras Baru (kawasan perumahan monoetnik)

Taman Segar (kawasan perumahan monoetnik)

Pandan India Settlement (kawasan perumahan monoetnik)

#### **4.3 Persampelan**

450 orang responden dipilih melalui persampelan bertujuan yang terdiri daripada ibu, bapa, datuk, nenek, anak lelaki dan perempuan pelbagai etnik

#### **4.4 Pengumpulan Data**

Borang soal-selidik tadbir sendiri diisi oleh responden ibu, bapa dan anak.

Temubual bersemuka dilaksanakan untuk responden datuk dan nenek.

## 5. HASIL KAJIAN

- Tahap sosialisasi yang diamalkan oleh **ibubapa** dari segi pemupukan **perpaduan nasional** adalah **baik**.
- Tahap sosialisasi yang diamalkan oleh **datuk nenek** dari segi pemupukan **perpaduan nasional** adalah **sederhana**.
- Tahap sosialisasi yang diamalkan oleh **ibubapa** dari segi **nilai murni** adalah **baik**.
- Tahap sosialisasi yang diamalkan oleh **datuk nenek** dari segi **nilai murni** adalah **baik**.
- Tahap pengetahuan, sikap dan amalan (PAS) terhadap **perpaduan nasional** dalam kalangan anak-anak responden adalah **baik**.
- Tahap pengetahuan, sikap dan amalan (PAS) terhadap **nilai murni** dalam kalangan anak-anak responden adalah **baik**.
- Tahap pendidikan ibu bapa mempunyai **perkaitan signifikan** terhadap tahap sosialisasi perpaduan keluarga.
- Tahap pendidikan ibu dan bilangan anak mempunyai **perkaitan signifikan** yang positif dengan amalan sosialisasi nilai murni.
- Amalan sosialisasi perpaduan **ibubapa** mempunyai **perkaitan signifikan** dengan pengetahuan dan amalan anak tentang perpaduan nasional.
- Amalan sosialisasi perpaduan **datuk nenek mempengaruhi secara negatif** sikap terhadap perpaduan nasional cucu.
- Amalan sosialisasi nilai murni **ibubapa mempengaruhi** pengetahuan, amalan, dan sikap nilai murni anak.

## **6. CADANGAN**

### **a) Pendekatan Berpusatkan Keluarga**

Program perpaduan dan nilai murni perlu dijalankan menggunakan pendekatan berpusatkan keluarga (*family-centred approach*). Pendekatan ini mengintegrasikan mesej sosialisasi perpaduan dan nilai murni dalam program yang berkaitan dengan pembangunan keuarga.

### **b) Modul Perpaduan dan Nilai Murni Kebangsaan**

Modul perpaduan dan nilai murni dirangka berdasarkan kepada hasil penyelidikan fokus kepada sosialisasi perpaduan dan nilai murni antara generasi dan pelbagai etnik. Modul ini juga perlu mengambilkira aspek kepelbagaian latar belakang keluarga tidak kira golongan yang mempunyai tahap SES yang rendah maupun golongan minoriti yang lain.

### **c) Kempen Media Perpaduan Berorientasikan Keluarga**

Kempen media perpaduan yang berorientasikan keluarga harus diadakan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan keibubapaan dalam mensosialisasikan anak tentang perpaduan dan nilai murni. Kaedah yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan peringkat umur. Media harus mengintegrasikan bahasa dan program pelbagai etnik dalam setiap salurannya. Penumpuan program (*streaming*) mengikut saluran dan kelompok etnik perlu dielakkan bagi merapatkan jurang antara kaum.

### **d) Program Penguasaan Bahasa Pelbagai Etnik**

Rakyat seharusnya perlu diberikan peluang menguasai pelbagai bahasa kerana bahasa boleh menggalakkan interaksi dan komunikasi antara etnik. Prasangka antara kaum dapat dikurangkan dengan adanya komunikasi. Program ini boleh dilaksanakan menerusi pendidikan tidak formal atau formal dari peringkat awal kanak-kanak, pendidikan lanjutan ataupun melalui pertandingan-pertandingan seperti bahas dan penulisan. Pengkayaan interaksi di antara pelajar berbilang kaum perlu dititikberat dalam pengisian kurikulum di sekolah.

**e) Pemekaan (Sensitization) Perpaduan dan Nilai Murni Sepanjang Hayat**

Pemekaan (Sensitization) perpaduan dan nilai murni perlu dirancang dan dilaksanakan dengan mengambil pendekatan sepanjang hayat, dan bukan mengikut musim atau kempen-kempen secara *ad hoc*. Sosialisasi sepanjang hayat diharap dapat memastikan penghayatan yang berkekalan.

## **7. KESIMPULAN**

Kajian ini mendapati amalan sosialisasi dalam masyarakat pelbagai etnik yang dikaji berada pada tahap yang baik. Keluarga berbangsa India menunjukkan amalan sosialisasi perpaduan dan nilai murni yang lebih tinggi berbanding dengan bangsa Melayu dan Cina. Secara umumnya, dapat dinyatakan bahawa tahap PAS anak-anak yang dikaji adalah baik. Anak kaum India mempunyai tahap PAS yang lebih baik tetapi sikap terhadap perpaduan nasional dan amalan dalam nilai murni tidak jauh beza di antara ketiga-tiga kaum. Faktor sosio-ekonomi terutamanya pendidikan ibu sangat mempengaruhi tahap sosialisasi keluarga. Amalan sosialisasi yang efektif memberi impak positif ke atas kelompok sasar iaitu anak. Tahap PAS anak terhadap perpaduan nasional dan nilai murni berkait rapat dengan amalan sosialisasi ibu bapa.